

05 OCT 1998

Khalil-Pembangunan

TERUSKAN TUGAS UNTUK LAKSANAKAN PEMBANGUNAN, KATA KHALIL

KUANTAN, 5 Okt (Bernama) -- Rakyat Pahang hari ini diminta menumpukan masa dan perhatian terhadap pemulihan ekonomi dan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata pada masa yang sama, mereka juga diminta menyokong langkah yang diambil oleh Majlis Tindakan Ekonomi di peringkat kerajaan pusat dan negeri untuk memulihkan ekonomi negara.

Semasa ditemui pemberita selepas mengadakan taklimat bersama Anggota-anggota Dewan Undangan Negeri Pahang di sini, beliau berkata tugas-tugas itu tidak seharusnya diketepikan, malahan perlu diteruskan sebagaimana yang dirancang.

Majlis taklimat itu bagi memberikan penjelasan terperinci berkaitan isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno dan kerajaan dan kedudukan ekonomi semasa, dihadiri oleh kesemua Anggota Dewan Undangan Negeri Pahang.

Khalil berkata kesemua 33 wakil rakyat di Pahang turut berikrar berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dan menyokong tindakan beliau dalam isu pemecatan Anwar itu.

Katanya, mereka juga menyerahkan isu pelantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru kepada budi bicara Dr Mahathir, dan berharap agar jawatan Timbalan Presiden Umno pula ditentukan oleh parti itu sendiri.

"Kita juga menghargai kenyataan Perdana Menteri yang beliau akan mendengar pendapat daripada rakan-rakan dalam parti berkaitan pelantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru itu," katanya.

Beliau juga meminta semua wakil rakyat memainkan peranan masing-masing memberikan penjelasan berkaitan isu pemecatan Anwar itu, sekaligus bagi menangkis cerita-cerita tidak benar berkaitannya.

"Bagaimanapun, tugas-tugas kita untuk mengatasi kegawatan dan melaksanakan projek pembangunan mesti diteruskan," katanya.

-- BERNAMA

ROS RI